

PUSAT PERGIGIAN U 优牙科中心 U DENTAL CENTER

- ❑ **Taman U 大学城** : 26A, Jalan Kebudayaan 1, Taman Universiti, 81300 SKUDAI. Tel/Fax:607-521 1111, 607-5208508. SMS: 6014-888 9000
 - ❑ **Bukit Indah 武吉英达** :30A, Jln. Indah 16/5, Taman Bukit Indah, 81200 Johor Bahru. Tel: 07-232 GIGI, 07-232 4444, SMS:6 014-9 900 900
 - ❑ **Taman Sentosa 新山大丰** : 25A, Jalan Sutera, Taman Sentosa, 80150 Johor Bahru.Tel : 07-3333 000 SMS: 6014 800 2000
 - ❑ **UDA/Tampoi新山 乌达/淡杯** : 39-01,Jalan Padi Emas 1/3, Uda Business Center, Bandar Baru UDA, 81200 Johor Bahru Tel:607-2 444 666 HP:016-6 800100
 - ❑ **Taman Molek 百合** : 84-01,Jalan Molek 2/2, Taman Molek, 81100, Johor Bahru. Tel : 016-6 300 500
- www.gigi.my info@gigi.my

Penjagaan Selepas Cabutan/Pembedahan

- Gigit **kapas** pada bahagian luka dantukar kapas setiap 15 minit sehingga. Kapas yang sudah dipakai sila jangan buang merata-rata.
- Berjaga-jaga (khususnya kanak-kanak) **jangan tergigit** lidah, bibir dan pipi yang sedang kebas. Rasa kebas mungkin hilang dalam masa 2 hingga 3 jam malahan 5 jam, bergantung kepada jenis suntikan dan keadaan luka.
- Selepas pembedahan, jangan banyak kumur. Jangan kacau bekuan darah yang telah terjadi dengan lidah atau jari. Dalam masa 4 jam selepas pembedahan/cabutan, letak satu bag ais di bahagian pipi berdekatan dengan luka boleh mengurangkan bengkak.
- Jika anda hendak tidur selepas cabutan/pembedahan, pastikan darah sudah berhenti dan memakan ubat tahan sakit, jika ada, sebelum tidur.
- Pesakit boleh makan seperti biasa setelah perdarahannya berhenti. Cuba elakkan makanan atau minuman yang panas. **Jangan merokok atau meminum arak.**
- Elakkan senaman/kerja berat pada hari pembedahan. Jika rasa kurang sihat, anda boleh minta cuti sakit (MC) dari doktor.
- Pendarahan selepas cabutan gigi biasanya tidak teruk. Jika luka berdarah banyak, gigit kapas pada bahagian luka. Jika pendarahan serious, hubungi doktor segera.
- Kesakitan selepas cabutan biasanya tidak teruk atau tiada langsung. Makan ubat tahan sakit yang diberi, jika perlu, setiap 4 hingga 6 jam. Jika kesakitan tidak dapat dikawal dengan ubat, hubungi doktor segera.
- Luka mungkin bengkak sedikit selama beberapa hari dan perlu dijaga bersih dengan **kumuran air garam** yang suam. Bengkak mungkin menyebabkan mulut tidak boleh dibuka dengan luas untuk beberapa hari. (Jika sebelum cabut, gigi pernah sakit/bengkak, ubat kebas mungkin susah kebas dan luka cabutan/tulang lebih senang kena jangkitan kuman)
- Jaga **kebersihan mulut** anda, memberus seperti biasa tetapi jangan sampai cederakan luka.
- Jika ada tulang keras/tajam, jangan selalu usik dengan lidah.
- Sila patuhi pesanan doktor, jika ada:----**Menghabiskan antibiotik** dalam masa dan hari tertentu. Jika terdapat kesan sampingan misallya allergy/lelah, bengkak kelopak mata, ruam/gatal sila hubungi klinik segera.
----Datang untuk pemeriksaan semula atau buka jahit.
- Jika terdapat perdarahan teruk, demam atau masalah lain, sila hubungi klinik. Selepas waktu pejabat boleh cuba telefon atau SMS talian perkhidmatan pelanggan lepas waktu pejabat 014- **8889000**. Untuk keadaan cemas/serious (kemalangan, keadaan perdarahan acute/serious) Hospital Sultanah Aminah boleh dihubungi pada **07-2257000, Hospital Sultan Ismail (07-3565000) atau 999 untuk pertolongan cemas.**
- Orang Dewasa—sila datang klinik untuk pemeriksaan semula selepas 1 bulan, samada gigi palsu/implant diperlukan. Implant lebih baik dijalankan dalam masa 1-3 bulan daripada waktu cabutan, sebelum tulang kecut. Jika anda ingin membuat gigi palsu biasa, anda boleh datang ukur dalam masa 1 hingga 60 hari daripada waktu cabutan, lagi cepat anda buat gigi palsu, makin senang ada celah di bawah gigi palsu selepas luka sembuh.

ExCareBM.doc Bv Dr. C.S. LEONG BDS(Malava). MFGDP(UK). MClInDent(Prosth)(London). MFDS RCS(Edinburgh). AM(Mal). FICCCDE National Specialists Register No: 128515

PUSAT PERGIGIAN U 优牙科中心 U DENTAL CENTER

- ❑ **Taman U 大学城** : 26A, Jalan Kebudayaan 1, Taman Universiti, 81300 SKUDAI. Tel/Fax:607-521 1111, 607-5208508. SMS: 6014-888 9000
 - ❑ **Bukit Indah 武吉英达** :30A, Jln. Indah 16/5, Taman Bukit Indah, 81200 Johor Bahru. Tel: 07-232 GIGI, 07-232 4444, SMS:6 014-9 900 900
 - ❑ **Taman Sentosa 新山大丰** : 25A, Jalan Sutera, Taman Sentosa, 80150 Johor Bahru.Tel : 07-3333 000 SMS: 6014 800 2000
 - ❑ **UDA/Tampoi新山 乌达/淡杯** : 39-01,Jalan Padi Emas 1/3, Uda Business Center, Bandar Baru UDA, 81200 Johor Bahru Tel:607-2 444 666 HP:016-6 800100
 - ❑ **Taman Molek 百合** : 84-01,Jalan Molek 2/2, Taman Molek, 81100, Johor Bahru. Tel : 016-6 300 500
- www.gigi.my info@gigi.my

Penjagaan Selepas Cabutan/Pembedahan

- Gigit **kapas** pada bahagian luka dantukar kapas setiap 15 minit sehingga. Kapas yang sudah dipakai sila jangan buang merata-rata.
- Berjaga-jaga (khususnya kanak-kanak) **jangan tergigit** lidah, bibir dan pipi yang sedang kebas. Rasa kebas mungkin hilang dalam masa 2 hingga 3 jam malahan 5 jam, bergantung kepada jenis suntikan dan keadaan luka.
- Selepas pembedahan, jangan banyak kumur. Jangan kacau bekuan darah yang telah terjadi dengan lidah atau jari. Dalam masa 4 jam selepas pembedahan/cabutan, letak satu bag ais di bahagian pipi berdekatan dengan luka boleh mengurangkan bengkak.
- Jika anda hendak tidur selepas cabutan/pembedahan, pastikan darah sudah berhenti dan memakan ubat tahan sakit, jika ada, sebelum tidur.
- Pesakit boleh makan seperti biasa setelah perdarahannya berhenti. Cuba elakkan makanan atau minuman yang panas. **Jangan merokok atau meminum arak.**
- Elakkan senaman/kerja berat pada hari pembedahan. Jika rasa kurang sihat, anda boleh minta cuti sakit (MC) dari doktor.
- Pendarahan selepas cabutan gigi biasanya tidak teruk. Jika luka berdarah banyak, gigit kapas pada bahagian luka. Jika pendarahan serious, hubungi doktor segera.
- Kesakitan selepas cabutan biasanya tidak teruk atau tiada langsung. Makan ubat tahan sakit yang diberi, jika perlu, setiap 4 hingga 6 jam. Jika kesakitan tidak dapat dikawal dengan ubat, hubungi doktor segera.
- Luka mungkin bengkak sedikit selama beberapa hari dan perlu dijaga bersih dengan **kumuran air garam** yang suam. Bengkak mungkin menyebabkan mulut tidak boleh dibuka dengan luas untuk beberapa hari. (Jika sebelum cabut, gigi pernah sakit/bengkak, ubat kebas mungkin susah kebas dan luka cabutan/tulang lebih senang kena jangkitan kuman)
- Jaga **kebersihan mulut** anda, memberus seperti biasa tetapi jangan sampai cederakan luka.
- Jika ada tulang keras/tajam, jangan selalu usik dengan lidah.
- Sila patuhi pesanan doktor, jika ada:----**Menghabiskan antibiotik** dalam masa dan hari tertentu. Jika terdapat kesan sampingan misallya allergy/lelah, bengkak kelopak mata, ruam/gatal sila hubungi klinik segera.
----Datang untuk pemeriksaan semula atau buka jahit.
- Jika terdapat perdarahan teruk, demam atau masalah lain, sila hubungi klinik. Selepas waktu pejabat boleh cuba telefon atau SMS talian perkhidmatan pelanggan lepas waktu pejabat 014- **8889000**. Untuk keadaan cemas/serious (kemalangan, keadaan perdarahan acute/serious) Hospital Sultanah Aminah boleh dihubungi pada **07-2257000, Hospital Sultan Ismail (07-3565000) atau 999 untuk pertolongan cemas.**
- Orang Dewasa—sila datang klinik untuk pemeriksaan semula selepas 1 bulan, samada gigi palsu/implant diperlukan. Implant lebih baik dijalankan dalam masa 1-3 bulan daripada waktu cabutan, sebelum tulang kecut. Jika anda ingin membuat gigi palsu biasa, anda boleh datang ukur dalam masa 1 hingga 60 hari daripada waktu cabutan, lagi cepat anda buat gigi palsu, makin senang ada celah di bawah gigi palsu selepas luka sembuh.

ExCareBM.doc Bv Dr. C.S. LEONG BDS(Malava). MFGDP(UK). MClInDent(Prosth)(London). MFDS RCS(Edinburgh). AM(Mal). FICCCDE National Specialists Register No: 128515